



**TEKS UCAPAN
YAB DATUK HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PELANCARAN
SAMBUTAN HARI GURU PERINGKAT NEGERI MELAKA
SECARA MAYA**

13 MEI 2020 (RABU) 0900 PAGI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan

Salam Sejahtera

Yang Berhormat Datuk Noor Effandi bin Ahmad,

Pengerusi Jawatankuasa Di Jabatan Ketua Menteri (Pendidikan,
Pengajian Tinggi, Teknikal & Vokasional, Sains Dan Inovasi);

Yang Berusaha Dr. Mohd Azam bin Ahmad,
Pengarah Jabatan Pendidikan Melaka;

Ketua-Ketua Pegawai Pejabat Pendidikan Daerah;

Pengetua-Pengetua, Guru-Guru Besar Sekolah-Sekolah Negeri
Melaka;

Pegawai-Pegawai Jabatan Pendidikan Melaka Dan
Pejabat Pendidikan Daerah Melaka;

Para guru, para pelajar, para ibubapa, tuan-tuan, puan-puan;

dan hadirin maya yang dihormati dan dikasihi sekalian.

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-nya, kita semua diberikan kesempatan menjalin silaturahim dan menyulam ukhuwah secara

maya bagi meraikan Sambutan Hari Guru Peringkat Negeri Melaka Tahun 2020, sebagai tanda pengiktirafan kita yang tidak terhingga di atas sumbangan dan jasa warga pendidik ke arah membangunkan modal insan negara. Justeru, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Pihak Jabatan Pendidikan Negeri Melaka kerana memberikan ruang kepada saya untuk menyampaikan perutusan Sempena Sambutan Hari Guru Kali Ke-49 Peringkat Negeri Melaka bagi tahun 2020.

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Guru kepada semua warga pendidik di Negeri Melaka tidak kira walau di mana sahaja anda berada di seluruh pelosok negara ketika ini. Terima kasih cikgu! Dengan tema hari guru **'Berguru Demi Ilmu, Bina Generasi Baharu'**

3. Secara peribadi, saya sangat mengagumi dan menghargai semua guru yang tidak pernah jemu mendidik kami, khususnya rakyat Negeri Melaka dan Malaysia amnya atas segala pengorbanan dan sumbangan besar mencurahkan ilmu dan memberi tunjuk ajar sehingga kini, saya

berada dalam barisan kepimpinan negeri Melaka. Terima kasih, cikgu. Kalianlah insan terpilih dan bertuah kerana dengan amanah besar ini, kalian menduduki satu darjat yang paling dimuliakan dalam masyarakat sepanjang zaman.

4. Walaupun tahun ini, para guru terpaksa menghadapi liku-liku yang agak sukar, namun kalian tetap berusaha menjayakan pembelajaran sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Guru jugalah yang sentiasa berusaha keras sebagai wadah penyampai ilmu dalam budaya baharu semasa penularan pandemik COVID-19 ini. Semua

pihak khususnya warga pendidik telah berjaya mengharungi cabaran yang tidak pernah berlaku di negara kita sebelum ini sehingga terwujudnya 'norma baharu' dalam kehidupan kita semua. Saya percaya penghargaan terhadap guru bukanlah semata-mata hanya pada tarikh 16 Mei setiap tahun. Tarikh ini hanyalah sebagai simbolik penghargaan dan sesungguhnya jasa guru amat kita hargai sepanjang masa.

Tuan-tuan, puan-puan yang saya hormati sekalian,

PERANAN GURU

5. Benarlah, guru merupakan tunggak utama dalam memainkan peranan penting untuk menyempurnakan akhlak murid, serta membentuk insan seimbang dan sahsiah yang unggul. Lebih-lebih lagi, dalam keghairahan kita mengejar kemajuan material, aspek akhlak dan nilai murni mesti diberikan perhatian yang utama dalam sistem pendidikan kita. Modal insan yang ingin kita bangunkan tidak seharusnya dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran

semata-mata, tetapi juga mesti diperkukuhkan dengan akhlak yang terpuji dan nilai-nilai murni.

6. Bagi saya, aspek akhlak, budi pekerti, integriti, amanah dan nilai-nilai murni adalah komponen yang amat penting dalam membina negara bangsa agar mencapai kemajuan ekonomi yang lestari. Tanpa kita sedari, sifat jujur, amanah dan integriti ini sebenarnya merupakan nilai intrinsik yang menjadi tunjang serta pasak kemajuan ekonomi. Ibu bapa di rumah pula, hendaklah berperanan memantapkan lagi nilai-nilai tersebut dengan menjadi contoh kepada anak-anak. Jangan kita

lupa, ibu bapa juga sama-sama bertanggungjawab terhadap pendidikan anak-anak.

7. Satu perkara yang tidak kurang penting dalam aspek pekerjaan ialah keihklasan. Ahli bijak pandai ada mengatakan bahawa *“sebuah negara tidak akan tumbuh besar jika guru di negara tersebut tidak besar jiwanya”*. Sebuah negara tidak akan sejahtera jika guru mereka tidak sejahtera. Kehebatan sesebuah negara itu bergantung kepada kehebatan guru mereka. Harapan saya, jadilah warga pendidik yang

sentiasa dapat memartabatkan profesion keguruan pada tahap yang cukup tinggi dan mulia.

8. Kemenjadian murid pada hari ini sudah pasti bertunjangkan bimbingan guru yang mendidik dengan penuh keikhlasan dan kesabaran. Semoga para guru sekalian akan terus dilimpahi rahmat dan dikurniakan oleh Allah SWT dengan memperolehi sifat istiqamah untuk terus menabur benih-benih ilmu dan membugar keluhuran akhlak insan di ladang pendidikan yang subur ini.

9. Saya sangat yakin, jika kita dapat menjadikan sekolah sebagai medan asuhan akhlak dan sahsiah murid yang sempurna, hasrat kita untuk melahirkan insan yang berilmu dan berakhlak mulia akan tercapai. Disebabkan itu, saya ingin menyeru setiap rakyat negeri Melaka agar meneladani iltizam dan dedikasi guru-guru dalam membina anak bangsa gemilang, sekali gus menjadi pewaris kepemimpinan negara. Semoga kita akan terus dapat melahirkan bangsa malaysia yang taat setia, bersatu padu, beriman, berakhlak mulia dan berilmu.

10. Saya juga ingin menyeru rakyat Melaka agar sentiasa hormati guru dan menjadi suri teladan (*role model*) kepada anak-anak untuk menghormati guru. Sungguhpun jasa dan bakti guru sukar untuk dibalas, namun sebagai imbalan yang wajar kepada jasa-jasa guru, Kerajaan Negeri sentiasa memberi perhatian kepada usaha untuk memartabatkan profesion keguruan. Sejahteralah negeri dan negara kita, jika rakyat saling menghormati. Marilah kita sama-sama mengucapkan terima kasih kepada semua guru yang telah menabur bakti mendidik generasi demi generasi. Terima kasih, cikgu!

Tuan-tuan, puan-puan yang saya hormati,

11. Peningkatan pencapaian SPM pada tahun 2019 merupakan sesuatu yang amat membanggakan. Saya percaya Jabatan Pendidikan Negeri Melaka sebagai pengemudi pendidikan negeri di bawah pimpinan Pengarahnya, Dr Mohd Azam bin Ahmad telah merangka hala tuju yang penting dalam usaha menjana kecemerlangan pendidikan yang berterusan dengan meningkatkan tadbir urus pendidikan. Besarlah harapan seluruh barisan kepimpinan dan rakyat negeri Melaka, agar pendidikan Melaka menjadi yang

terbaik iaitu nombor satu di Malaysia. Saya penuh yakin, bahawa hasrat ini akan dapat dicapai dengan usaha dan strategi tuntas yang dirancang dengan kerjasama semua pihak. Konsep '*connecting the dot*' yang membawa semula nilai kerjasama, insya-Allah akan membuahkan hasil yang lebih membanggakan.

12. Bagi pihak Kerajaan Negeri, kami akan sentiasa menyokong segala inisiatif yang dirancang untuk mencapai hasrat Melaka nombor satu dalam bidang pendidikan demi pembangunan modal insan negara amnya dan negeri khususnya. Kerajaan negeri juga menyediakan

peruntukan yang besar untuk membantu pendidikan di Melaka. Kerjasama antara Kerajaan Negeri Melaka dan Jabatan Pendidikan Negeri Melaka melalui Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM) umpamanya sentiasa dalam perhatian kami. Semuanya adalah untuk membantu kecemerlangan pendidikan rakyat melaka.

PENUTUP

13. Sebelum saya menutup ucapan, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua

guru khususnya di Negeri Melaka dan Malaysia amnya. Selamat Hari Guru, terima kasih Cikgu! Jasamu dikenang, namamu dijulang. Dengarkanlah dua rangkap pantun khas buatmu guru;

***Dingin air penuh sekendi,
Dibawa putera berwajah cerlang;
Andai guru ikhlas berbudi,
Aspirasi negara pasti gemilang.***

*Subur gaharu pinggiran anjung,
Tempat merbah membuat sarang;
Budimu guru mekar setanjung,
Sepanjang zaman dikenang orang.*

14. Akhir kata, dengan suka citanya dan lafaz yang mulia Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan pelancaran Sambutan Hari Guru secara maya peringkat Negeri Melaka Tahun 2020 dengan tema '**Berguru Demi Ilmu, Bina Generasi Baharu**'.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.